

06 JAN 1999

Mahathir-Anwar

KERAJAAN AKAN TIMBANG TUBUH SURUHANJAYA BEBAS SIASAT KECEDERAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri berkata kerajaan akan menimbang cadangan beberapa pihak yang mahu Suruhanjaya Bebas ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan yang dialami bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis.

"Jika itu yang dimahukan oleh semua orang, kita harus menimbangkannya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Bantuan Persekolahan dan Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di bangunan Tabung Haji di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika mengulas desakan pelbagai pihak supaya badan bebas ditubuhkan untuk menjalankan siasatan penuh insiden itu ekoran kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah semalam bahawa polis bertanggungjawab atas beberapa kecederaan Anwar.

Semasa ditanya bilakah suruhanjaya itu mungkin ditubuhkan, Dr Mahathir berkata beliau belum memikirkannya lagi dan mahu mengkajinya terlebih dahulu.

Beberapa pihak termasuk DAP, Gerakan dan Majlis Peguam mengecam Mohtar berhubung kenyataannya berhubung siasatan mengenai kecederaan Anwar semalam bahawa polis bertanggungjawab sepenuhnya atas kecederaan itu tetapi belum mengenalpasti individu yang menyebabkannya.

Pelbagai pihak itu mahu sebuah badan bebas ditubuhkan bagi menyiasat lanjut terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Anwar dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept lalu dan ditahan polis pada 20 Sept.

Dr Mahathir berkata berdasarkan laporan akhbar, penyiasatan kes itu tidak menyeluruh kerana keterangan beberapa orang yang sepatutnya turut dirakamkan tidak diambil.

Sebuah pasukan penyiasat khas telah ditubuhkan diketuai ACP Mat Zain Ibrahim untuk menyiasat kes kecederaan Anwar itu.

"Saya baca penyiasatan itu tidak menyeluruh, banyak lagi orang yang sepatutnya ditanya, tidak di tanya, barangkali pasal mereka itu pegawai-pegawai yang lebih tinggi daripadanya (Mat Zain)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kemungkinan pegawai penyiasat tidak merakamkan pernyataan beberapa lagi pegawai polis kerana pangkat mereka yang lebih tinggi.

Mohtar semalam mengarahkan pasukan penyiasat khas itu melengkapkan siasatan mereka dengan merakamkan pernyataan sembilan pegawai kanan polis termasuk Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan timbalannya Tan Sri Norian Mai.

Dr Mahathir berkata siasatan itu perlu dijalankan secara mendalam.

"Polis telah dipersalahkan secara umum tetapi siasatan perlu lebih terperinci kerana kita tidak boleh menyalahkan seluruh pasukan polis," katanya.

-- BERNAMA

RZS RON